KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	25/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPNS			

'Projek bukan di hutan simpan kekal'

BH, 25 Sept 2021 24

Shah Alam: Projek pembangunan berhampiran Hutan Simpan Bukit Cherakah dan Hutan Komuniti Shah Alam (SACF) bukan dalam kawasan hutan simpanan kekal (HSK).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian, berkata semakan mendapati projek itu dilaksanakan di luar kawasan HSK.

Katanya, kawasan HSK yang paling hampir ialah Hutan Simpan Bukit Cherakah serta Hutan Simpan Bukit Cherakah Tambahan dan kedua-duanya diwartakan mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

"Hutan Simpan Bukit Cherakah diwartakan sebagai HSK pada 1909 seluas 9,642 hektar dan hutan ini mengalami beberapa kali penyahwartaan sejak 1976 bagi tujuan pembangunan seperti Bandar Puncak Alam, Alam Budiman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam.



Hee Loy Sian

"Kini, Hutan Simpan Bukit Cherakah yang masih kekal adalah seluas 1,298.86 hektar dan diuruskan Jabatan Perhutanan Selangor (JPNS) sebagai kelas Hutan Perlindungan," katanya dalam kenyataan semalam.

Loy Sian berkata, kawasan projek pembangunan jalan raya dan perumahan ditularkan di media sosial adalah sebahagian daripada kawasan terbabit dengan penyahwartaan kerajaan negeri terdahulu bagi tujuan pemberimilikan oleh kerajaan negeri pada 2006.

Justeru, katanya, JPNS pada masa kini tidak lagi mempunyai bidang kuasa khusus dalam aspek pengurusan dan pembangunan di kawasan itu kerana ia bukan berstatus tanah HSK.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, dalam aspek penggantian HSK hanya negeri ini pada masa kini yang mengamalkan proses penggantian secara serentak bagi kawasan HSK yang ingin dinyah warta.